

30 Oktober, 1981

Perutusan Seri Paduka kepada Turki

KUALA LUMPUR, Khamis.— Yang Dipertuan Agong telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada ketua negara Republik Turki dan Pengerusi Majlis Keselamatan Negara, Jeneral Kenan Evren sempena hari pengisytiharan Republik Turki.

Seri Paduka berharap hubungan persahabatan antara kedua buah negara akan terus berkembang.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatnya Encik Bulent Ulusu.

Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie juga menghantar perutusan yang serupa kepada rakan sejawatnya Encik Ilter Turkmen. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia